

Headline	TNB jangka pemulihan ICPT bernilai RM7 bilion		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	27 Sep 2023	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	32
ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,624		



## TNB jangka pemulihan ICPT bernilai RM7 bilion

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) mengangarkan pemulihan sekitar RM7 bilion daripada Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang belum diterima, berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa bagi separuh pertama tahun kewangan 2024 (1H FY2024), mencerminkan pendirian proaktifnya dalam mengurus

prospek kewangan dan mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din (*gambar*) berkata, perkembangan itu secara ketara mengukuhkan modal kerja TNB, sekali gus meningkatkan aliran tunai dan memperbaiki tahap penggearan pada 2023.

"Pengurusan kewangan berhemah TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)," kata beliau

dalam satu kenyataan semalam. Baharin juga turut mengulas prestasi TNB 1H FY2023 yang berakhir 30 Jun 2023.

"Walaupun menghadapi cabaran yang berpunca daripada margin bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan dalam persekitaran yang mendesak ini. "Dalam tempoh itu, TNB melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM1.20 bilion, manakala hasil menyaksikan peningkatan 3.8 peratus kepada RM25.95 bilion, berbanding tempoh yang sama pada 2022," tambah beliau. - Bernama